

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD [KANGAR]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah usaha Kementerian bagi memastikan pematuhan piawaian (*standard*) bagi pelaksanaan aktiviti yang dijalankan oleh misalnya Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia dan juga pembinaan infrastruktur sukan yang dilaksanakan melalui pemerolehan Kementerian misalnya kemudahan SUKMA dan pembinaan sekolah sukan.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi setiap pembinaan infrastruktur sukan bagi tujuan penganjuran Temasya Sukan Malaysia (SUKMA) perlu mengambil kira keperluan teknikal dan spesifikasi setiap sukan yang diiktirafkan oleh Persatuan Sukan Antarabangsa dan wakilnya di negara ini ialah Persatuan Sukan Kebangsaan yang mempunyai kepakaran teknikal tersebut. Bagi memastikan penganjuran SUKMA mendapat pengiktirafan, Kementerian melalui MSN memberi penekanan kepada pematuhan piawaian teknikal antarabangsa terhadap kemudahan-kemudahan yang dibina. Pelaksanaan pematuhan ini melibatkan pegawai-pegawai Persatuan Sukan Kebangsaan dari peringkat perancangan sesuatu projek infrastruktur sukan tersebut.

**SOALAN NO : 525**

2. Kegagalan mematuhi keperluan teknikal dan spesifikasi sukan yang terlibat akan menyebabkan keputusan pertandingan tidak boleh diiktiraf di peringkat antarabangsa dan kemudahan tersebut tidak dapat digunakan untuk menganjurkan kejohanan-kejohanan peringkat tinggi yang lain.

Sekian, terima kasih.